

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN.**

**NOVEMBER 2009**

Adalah disyorkan bahawa Laporan Penyelidikan Projek ini yang di sediakan

oleh

**SITI ZUBAIDAH BINTI ABDUL MUTALIB**

bertajuk

**CADANGAN MEREKABENTUK HIASAN DALAMAN SEBUAH SPA SENDAYU TINGGI UNTUK SENDAYU TINGGI  
BODY & SKINCARE (M) SDN BHD DI NO. 1, BLOK 1C, NO 1C, LOT 28053 WANGSA MAJU, MUKIM SETAPAK, KL**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan : \_\_\_\_\_ <sup>2/11/09</sup> En. Mohammed Nizam Abdul Aziz  
Koordinator Khusus : \_\_\_\_\_ Pn Azizah Md Ajis  
Koordinator Program : \_\_\_\_\_ Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Sabrizaa Abd. Rashid

## **ABSTRAK**

Tajuk laporan kajian adalah Cadangan Merekabentuk Dalaman Sebuah Spa Sendayu Tinggi. Tujuan laporan kajian ini dibuat adalah untuk syarat untuk projek akhir bagi Diploma Rekabentuk Dalaman. Projek yang dicadangkan adalah Cadangan Merekabentuk Dalaman Sebuah Spa Sendayu Tinggi untuk Sendayu Tinggi Body & Skincare (M) Sdn Bhd di No 1, Blok 1C, Lot 2853 Wangsa Maju, Mukim Setapak, Kuala Lumpur. Tujuan utama kajian akhir ini dilakukan adalah untuk mewujudkan sebuah spa milik Sendayu Tinggi Body & Skincare (M) Sdn Bhd. Spa merupakan sebuah pusat rawatan badan dan muka tanpa mengikut peringkat umur yang ingin kelihatan cantik dan menawan. Pertumbuhan spa pada masa kini atas permintaan ramai terutama golongan wanita turut menyumbang kepada terbinanya sebuah spa milik Sendayu Tinggi. Bertepatan dengan ini, Sendayu Tinggi mempunyai produk dari hujung rambut dan hujung kaki dan menjadi salah satu faktor lagi untuk membuka spa ini. Berkonsepkan 'Spirit of Authenticity' yang bermaksud semangat keaslian iaitu menggunakan hasil dari alam semulajadi sebagai produk dan akan diterapkan di dalam spa ini. Elemen gabungan 'moden and nature' serta penggunaan warna yang menarik digunakan bagi menghasilkan sebuah spa yang menarik. Skop kajian bagi keseluruhan projek adalah mengenai fungsi sebuah spa, kehendak klien dan analisa tapak projek. Kepentingan setiap kajian ini adalah supaya dapat memahami dengan lebih mendalam mengenai sebuah spa dan kesesuaian projek dengan kehendak yang diperlukan oleh klien. Semasa kajian dijalankan, terdapat beberapa halangan yang terpaksa ditempuhi dan salah satunya adalah kurang mendapat kerjasama bagi mendapatkan maklumat sepenuhnya daripada pihak yang berurusan. Segala maklumat yang dikumpul diambil kira kerana ia mempunyai kaitan dengan projek yang dijalankan. Proses ini banyak membantu bagi menghasilkan rekabentuk yang lebih baik dan mesra pengguna mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh klien. Selain itu juga, rekabentuk yang ergonomik serta memenuhi ciri-ciri antropometrik akan diterapkan dalam rekabentuk bagi memberi keselesaan kepada pelanggan.

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Pertama sekali saya ingin mengangkat tangan tanda kesyukuran saya terhadap Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya saya berjaya menyiapkan tugas laporan projek tahun akhir saya iaitu Cadangan Merekabentuk Hiasan Dalaman Sebuah Spa Sendayu Tinggi untuk Sendayu Tinggi Body & Skincare (M) Sdn Bhd, bagi program Diploma Rekabentuk Dalaman di Universiti Teknologi MARA, Perak.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua ibubapa, keluarga, rakan – rakan dan para pensyarah yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sokongan padu dan galakan serta berkat doa mereka semasa saya berada di sini. Tidak lupa juga kepada pensyarah tesis, Puan Azizah Md Ajis dan penyelia tesis, En. Mohammed Nizam Abdul Aziz kerana turut membantu dalam melengkapkan Laporan Projek Tesis tahun akhir ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak dari Sendayu Tinggi Holdings Sdn Bhd, Pn Rozita Ibrahim bagi memberikan sepenuh kerjasama kepada saya dalam mencari maklumat yang diperlukan bagi menyiapkan kerja saya ini.

Sekian, terima kasih.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii – iv
Senarai Rajah	v
Senarai Jadual	vi
Senarai Foto	vii - ix
Senarai Lampiran	x
Senarai Singkat kata	xi

## **KANDUNGAN**

<b>BAB 1.0</b>	<b>Pendahuluan</b>	
	Pengenalan	1 - 4
	Metodologi Kajian	5 - 7
	Matlamat Kajian	8
	Objektif	9
	Skop Kajian	10
	Halangan Kajian	11
	Kepentingan Kajian	12
<b>BAB 2.0</b>	<b>Klien</b>	
	Latarbelakang	13 - 14
	Carta Organisasi	15
	Visi & Misi klien	16 - 17
	Imej Korporat klien	18 - 19
	Produk	20 - 23
	Alamat	24
<b>BAB 3.0</b>	<b>Kajian &amp; Analisa Tapak</b>	
	Pemilihan tapak	25 - 26
	Analisa tapak	27 - 42
	Analisa bangunan	43 – 54

## **MUKA SURAT**



Sendayu Tinggi Spa

## **BAB 1.0 PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Laporan ini merupakan laporan cadangan mereka bentuk hiasan dalaman spa untuk Sendayu Tinggi Body & Skincare (M) Sdn Bhd. Laporan ini wajib dilaksanakan bagi memenuhi kateria-kateria yang telah ditetapkan serta merupakan projek akhir Diploma Rekabentuk Dalaman. Selain itu, laporan ini juga bertujuan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul berkaitan dengan pembahagian ruang, skim warna, dan sebagainya mengikut kehendak pengasas dan juga keperluan isu semasa.

Lokasi tapak yang dicadangkan beralamat di No 1, Blok 1C, Lot 28053, Wangsa Maju, Mukim Setapak, KL. Lokasi tapak ini merupakan kawasan yang sangat strategik dan menjadi pusat pendidikan, petempatan, pejabat dan sosial bagi penduduk Wangsa Maju. Kawasan ini juga turut berkembang pesat dengan pelbagai kemudahan seperti stesen minyak, bank, pondok bas dan teksi.

SENDAYU TINGGI BODY & SKINCARE (M) SDN BHD merupakan syarikat kedua yang bernaung dibawah Sendayu Tinggi Holding Sdn Bhd. Ia mula beroperasi pada pertengahan tahun 2002 dan menggunakan konsep produk yang berasaskan herba. Syarikat ini ditubuhkan berikutan perkembangan yang memberangsangkan pada keluaran yang lepas dan permintaan yang amat menggalakkan ke atas produk herba. Walaupun terdapat persaingan yang hebat di antara produk lain di pasaran, tetapi Sendayu Tinggi